

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## **BIMB INVESTMENT MENGISYTIHARKAN HASIL AGIHAN PENDAPATAN 6.02% UNTUK DANA EKUITI SYARIAH-ESG GLOBAL**

**KUALA LUMPUR, Selasa, [19 September 2023]:** BIMB Investment Management Berhad (BIMB Investment), anak syarikat milik penuh Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam), telah mengisytiharkan agihan pendapatan untuk BIMB-ARABESQUE *i* Global Dividend Fund 1 (BiGDF1) bagi tahun kewangan yang akan berakhir pada 31 Mac 2024 seperti berikut:

<b>Nama Dana</b>	<b>Kelas Aset</b>	<b>Hasil (%)</b>	<b>Sen/cent seunit</b>
BIMB-ARABESQUE <i>i</i> Global Dividend Fund 1	RM	6.02%	2.90
	USD	6.12%	2.90
	RM Hedged	6.19%	2.80
	SGD	6.10%	2.60

Ketua Pegawai Eksekutif BIMB Investment, Azdini Nor Azman, berkata, “Kami mengucapkan terima kasih kepada pemegang unit atas sokongan dan kepercayaan mereka yang tidak berbelah bahagi terhadap BiGDF1. Keyakinan mereka telah diterjemahkan kepada prestasi kukuh, membawa kepada agihan pendapatan sebanyak 2.90 sen/cent seunit untuk Kelas RM dan Kelas USD, 2.80 sen/cent seunit untuk Kelas Lindung Nilai RM dan 2.60 sen/cent seunit untuk Kelas SGD. Hasil agihan pendapatan dana berkenaan ialah 6.02% untuk Kelas RM, 6.12% untuk Kelas USD, 6.19% untuk Kelas Lindung Nilai RM dan 6.10% untuk Kelas SGD.”

Beliau menambah, "Dengan BiGDF1, landskap pengurusan dana berkembang melalui penyelesaian teknologi kewangan yang membina portfolio pelaburan yang memfokus kepada pertumbuhan modal disamping menguruskan turun naik pasaran secara efektif, menganalisis data dan membuat keputusan tanpa intuisi. BiGDF1 menggabungkan nilai Syariah dan Prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), dengan lancar memanfaatkan kuasa teknologi Kecerdasan Buatan (AI) untuk memberikan prestasi konsisten dan mampan. Kami kekal kukuh menyampaikan nilai dan prestasi mampan dengan pengurusan risiko menjadi keutamaan komitmen kepada para pelabur.”

Pertama kali diperkenalkan pada November 2015 dan BiGDF1 dilancarkan semula pada 2019 untuk pelabur runcit. Ia merupakan satu daripada dana ekuiti global Syariah terbesar di Malaysia, dengan saiz dana lebih RM200 juta setakat 31 Ogos 2023, menurut kedudukan Refinitiv Lipper IM. Dana tersebut telah dianugerahkan Dana Ekuiti ESG Terbaik 2020 oleh The Asset Islamic Finance Awards 2020. Ia mengkhusus kepada peningkatan modal jangka panjang dan menyediakan pelabur akses kepada pelaburan dalam ekuiti global patuh Syariah.

Ia sesuai untuk pelabur yang mencari pendedahan kepada ekuiti patuh Syariah pasaran maju global, dengan toleransi risiko sederhana hingga tinggi dan horizon pelaburan 5 tahun atau lebih. BiGDF1 melabur sekurang-kurangnya 90% daripada nilai aset bersih (NAV) daripada dana tersebut ke dalam Dana Sasaran dan maksimum 10% daripada NAV ke dalam deposit tetap Islam, instrumen pasaran wang Islam dan/atau pasaran cair Islam. Dana tersebut mengimbangi semula portfolionya setiap hari di antara ekuiti dan tunai untuk pulangan pelaburan risiko terlaras yang mampan dan mengurangkan risiko dan pengeluaran semasa kegagalan pasaran. Jumlah pelaburan permulaan minimum ialah RM500 untuk Kelas RM dan Kelas Terlindung Nilai RM, SGD500 untuk Kelas SGD dan USD500 untuk Kelas USD.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed, berkata, “Kumpulan Bank Islam kekal komited menggabungkan prinsip Syariah dalam Kumpulan dan mempertimbangkan faktor ESG. Komitmen ini bertujuan untuk meningkatkan daya tahan dan memupuk rangkuman kewangan untuk semua. Kami percaya pelaburan tertumpu ESG bersedia untuk menjadi trend semasa, dan syarikat yang mengutamakan pertimbangan ESG akan cemerlang dan menunjukkan daya tahan jangka panjang yang lebih besar.”

---

**Kenyataan:**

*Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus bagi dana BIBM-ARABESQUE i Global Dividend Fund 1 (“Dana”) bertarikh 17 Oktober 2019 atau tambahannya (jika ada), dan Halaman Serlahan Produk (PHS) sebelum melabur, yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungannya. Salinan Prospektus atau tambahannya (jika ada), dan PHS boleh didapati di Ibu Pejabat BIBM Investment Management Berhad, [www.bimbinvestment.com.my](http://www.bimbinvestment.com.my), perunding unit amanah dan pengedar yang diluluskan dan/atau mana-mana cawangan Bank Islam. Kebenaran SC atau pendaftaran Prospektus atau tambahannya (jika ada), dan PHS tidak boleh diambil kira bahawa SC telah mengesyorkan Dana tersebut. Terdapat yuran dan caj yang terlibat dan pelabur dinasihatkan untuk membandingkan dan mempertimbangkan yuran, caj dan kos yang terlibat sebelum melabur di dalam Dana. Pelaburan di dalam Dana terdedah kepada risiko. Sila rujuk Prospektus atau tambahannya (jika ada), dan PHS untuk maklumat terperinci. Pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan risiko di dalam Dana dan harus membuat penilaian risiko mereka sendiri dan mendapatkan nasihat profesional, jika perlu, sebelum melabur. Pelabur juga harus ambil perhatian bahawa harga unit dan pemiutang agihan, jika ada, mungkin berubah-ubah, dan prestasi masa lalu Dana tidak boleh dianggap sebagai petunjuk prestasi masa hadapannya. Sebarang terbitan unit dimana Prospektus atau tambahannya (jika ada), dan PHS berkaitan hanya akan dibuat selepas menerima borang permohonan yang lengkap berserta Prospektus atau tambahannya (jika ada), dan PHS, tertakluk kepada terma dan syarat di dalamnya. Pelabur juga dinasihatkan bahawa, di mana pengagihan diisytiharkan, pelabur dinasihatkan bahawa berikutan pengeluaran pengagihan, NAB seunit akan dikurangkan daripada pengagihan merangkap kepada NAB bekas pengagihan. Pemberi anugerah yang disebut adalah pihak ketiga yang bebas dan tidak berkaitan dengan syarikat. Kedudukan yang diberikan tidak seharusnya bergantung semata-mata dan pelabur juga perlu ambil perhatian bahawa kedudukan tersebut mungkin akan berubah. Kandungan maklumat ini tidak disemak oleh SC.*

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIBM Investment Management Berhad dan BIBM Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my)

**Mengenai BIBM Investment Management Berhad**

BIMB Investment Management Berhad (BIMB Investment) adalah sebuah syarikat pengurusan pelaburan Syariah-ESG (Alam sekitar, Sosial dan Tadbir Urus) di Malaysia. Sebuah anak syarikat milik penuh Bank Islam Malaysia Berhad, BIMB Investment adalah syarikat pengurusan dana Islam berlesen yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Ditubuhkan pada 14 September 1993 dan memulakan operasinya pada 20 Jun 1994, BIMB Investment beribu pejabat di Malaysia.

BIMB Investment adalah pengurus aset Islam yang disokong bank yang pertama di rantau ini untuk menjadi penandatanganan prinsip yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu untuk pelaburan yang bertanggungjawab (UNPRI).

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bimbinvestment.com.my](http://www.bimbinvestment.com.my) atau hubungi:

Nurfarah Diyana Mohd Firhad  
Brand & Communications  
BIMB Investment Management Berhad  
Emel : [nfdiyana@bankislam.com.my](mailto:nfdiyana@bankislam.com.my)  
DL : +603 2161 2524 / 0173574125